

PENGUKURAN KEMISKINAN UNI-DIMENSI DAN MULTI-DIMENSI SERTA FAKTOR PENENTULaily Paim¹**ABSTRAK**

Membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap hidup ialah agenda pembangunan yang penting bagi sesebuah negara. Kegagalan dasar dan strategi membasmi kemiskinan di sesebuah negara antaranya disebabkan oleh definisi konsep dan pengukuran kemiskinan yang tidak jitu sehingga matlamat pembangunan tersasar. Banyak negara di dunia yang telahpun beralih daripada pengukuran kemiskinan uni-dimensi kepada pengukuran kemiskinan multi-dimensi. Objektif penulisan ini adalah untuk membincangkan tentang pengukuran kemiskinan uni-dimensi dan multi-dimensi serta indikator penentunya. Artikel ini memberi fokus kepada isu berkaitan pengukuran kemiskinan, perbandingan pengukuran uni-dimensi dan multi-dimensi, dimensi dan indikator kemiskinan multi-dimensi, dan faktor penentu kemiskinan multi-dimensi.

Kata kunci: kemiskinan uni-dimensi, kemiskinan multi-dimensi, dimensi, indikator, faktor penentu

ABSTRACT

Eradicating poverty and improving living standards is an important development agenda for any country. Failure of policies and strategies to eradicate poverty in a country [among others] is due to poor definition of concept and measurement of poverty that could lead to failure in achieving development goals. Many countries in the world have switched from uni-dimensional poverty measurement to multi-dimensional poverty measurement. The objective of this paper is to discuss the measurement of uni-dimensional and multi-dimensional poverty and its determinants. This article focuses on issues related to poverty measurement, comparison of uni-dimensional and multi-dimensional measurement, dimensions and indicators of multi-dimensional poverty, determining factors of multi-dimensional poverty.

Keywords: uni-dimensional poverty, multi-dimensional poverty, dimensions, indicators, determinants

PENGENALAN

Pembangunan mana-mana negara di dunia, umumnya bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan, mengecilkan jurang ketaksamaan dan meningkatkan tahap hidup rakyat. Kegagalan sebahagian besar polisi pembangunan dan strategi membasmi kemiskinan adalah kerana definisi dan pengukuran kemiskinan yang kurang tepat yang gagal mencerminkan realiti sebenar yang dialami oleh golongan miskin.

Secara tradisinya, kemiskinan diukur secara uni-dimensi menggunakan pendapatan (Abdul Rasool, Mohd Harun, Mohd Salleh & Idris, 2011; Fox, 2017; US Census Bureau, 2016) atau

¹ Pusat Penyelidikan Penggunaan Lestari (SCoRE), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Correspondence email: laily@upm.edu.my

penggunaan (Laily, 1995; Magrabi, Chung, Cha & Yang, 1991). Kebelakangan ini literatur tentang kemiskinan mengetengahkan kelemahan pengukuran uni-dimensi. Dibahaskan bahawa kemiskinan uni-dimensi tidak cukup untuk memahami keseluruhan kesejahteraan/kemiskinan isi rumah. Tambahan, kemiskinan ialah satu konsep multi-dimensi, bukannya uni-dimensi. Pengukuran uni-dimensi tidak mampu memberi gambaran kemiskinan yang sebenar kerana kemiskinan lebih daripada hanya sekadar melihat kepada pendapatan atau penggunaan.

Meskipun kemiskinan multi-dimensi adalah lebih rumit berbanding dengan kemiskinan uni-dimensi, namun gabungan beberapa indikator dapat mencerminkan kesejahteraan jangka panjang isi rumah dengan lebih baik. Oleh sebab kemiskinan multi-dimensi ini lebih mantap dan stabil, beberapa negara membangun seperti Mexico, Colombia, Filipina, China, Brazil, Bhutan, Indonesia, Chili, dan lain-lain telah mengguna pakai pengukuran kemiskinan multi-dimensi.

Makalah ini membincangkan isu berkaitan pengukuran kemiskinan, pengukuran kemiskinan uni-dimensi berbanding dengan multi-dimensi, pengalaman beberapa negara terpilih dalam mengenal pasti dimensi dan indikator, dan faktor penentu kemiskinan multi-dimensi. Makalah ini boleh dianggap sebagai antara makalah pendedahan awal tentang kemiskinan multi-dimensi.

ISU BERKAITAN PENGUKURAN KEMISKINAN

Kemiskinan boleh diukur melalui pelbagai pendekatan dan kaedah. Bergantung pada tahap pembangunan sesebuah negara, kaedah mengukur kemiskinan juga dinamik, peralihan berlaku daripada pengukuran mutlak kepada pengukuran relatif; daripada pengukuran objektif kepada pengukuran subjektif; dan daripada pengukuran uni-dimensi kepada pengukuran multi-dimensi.

Kemiskinan mutlak menetapkan satu tahap pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas (biasanya makanan, pakaian dan tempat tinggal), isi rumah dikategorikan sebagai miskin sekiranya mempunyai pendapatan di bawah satu paras pendapatan atau penggunaan tertentu, dan sebaliknya (Laily, 2014; Laily, 2017). Manakala, kemiskinan relatif membandingkan sebuah isi rumah dengan isi rumah lain mengikut kedudukan pendapatannya, seperti isi rumah B40. Secara relatifnya akan sentiasa wujud isi rumah yang berada pada kedudukan pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan isi rumah lain.

Dari segi pengukuran objektif dan subjektif, percanggahan pendapat antara mereka yang memihak kepada pengukuran objektif dengan mereka yang memihak kepada pengukuran subjektif menyebabkan banyak penyelidikan yang mengambil jalan tengah dengan menggabungkan kedua-dua pengukuran ini dan menganggapnya saling melengkapi antara satu sama lain (Laily, 2014). Mereka yang memihak kepada pengukuran objektif menganggap bahawa pengukuran objektif lebih tepat kerana tidak melibatkan penghakiman nilai (*value judgement*). Kuantiti barangan yang boleh dibeli dengan sejumlah wang adalah sama bagi semua orang. Sebaliknya, pengukuran subjektif amat bergantung pada penghakiman nilai apabila seseorang itu menggambarkan keadaan dirinya yang gembira, sejahtera, berpuas hati dan sebagainya. Bagi mereka yang memihak kepada pengukuran subjektif, akan menganggap bahawa pengukuran objektif bukanlah keberhasilan akhir (*final outcome*), sebaliknya pengukuran yang bersifat "perantara" (*intermediate*) (Laily, 2014, Laily, 2017). Sebaliknya, pengukuran subjektif ialah keberhasilan akhir daripada sesuatu proses. Oleh itu, pengukuran subjektif dianggap lebih tepat dan sesuai untuk menggambarkan apa-apa yang dirasakan oleh seseorang itu.

Pendapatan yang digunakan sebagai indikator kemiskinan sering dipertikaikan kerana pendapatan bukanlah natijah akhir kepada kesejahteraan isi rumah. Pendapatan hanyalah alat yang

boleh memberikan hasil akhir yang berbeza. Pendapatan yang tinggi tidak menjamin kesejahteraan hidup yang tinggi kerana pendapatan juga boleh digunakan untuk perkara yang menjejaskan utiliti dan seterusnya tahap hidup. Selain itu, data pendapatan juga mempunyai beberapa kelemahan (Ouellette, Burstein, & Long Beecroft, 2004). Kelemahan yang diketengahkan oleh Ouellette *et al.* (2004) adalah berhubung dengan definisi pendapatan, iaitu mereka mendakwa bahawa data pendapatan sering kali tidak mengambil kira cukai dan pendapatan pindahan bukan-tunai, bergantung pada data lapor-kendiri (*self-reported income data*), tidak mengambil kira perbezaan lokasi yang mempengaruhi kos sara hidup, dan titik ambang (*threshold*) yang tidak dikemas kini secukupnya. Data pendapatan sering kali sukar diperolehi, kurang tepat dan rumit untuk diselaraskan dengan turun naik harga dan inflasi. Terdapat kemungkinan isi rumah menganggarkan pendapatan yang lebih rendah daripada yang sebenarnya diterima; ataupun definisi pendapatan yang sempit sehingga ada elemen pendapatan yang tidak diambil kira dalam menentukan tahap pendapatan, seperti faedah daripada simpanan, pendapatan matabenda (*in-kind*), subsidi, bantuan kebajikan, pendapatan pindahan dan seumpamanya. Data pendapatan juga agak sukar diperolehi kerana secara umumnya banyak orang yang tidak suka ditanyakan tentang pendapatan mereka (Ouellette *et al.*, 2004).

Bagi menangani kelemahan data pendapatan, penyelidik beralih kepada data penggunaan (Coudouel, Hentschel, & Wodon, na). Berbanding dengan pendapatan, data penggunaan dikatakan boleh mengukur tahap hidup secara lebih langsung. Berbeza dengan data pendapatan yang sering dianggarkan kurang daripada nilai yang sebenar, data penggunaan pula sering dianggarkan lebih tinggi daripada nilai yang sebenar. Namun, data penggunaan dapat menerangkan bagaimana isi rumah melancarkan aliran penggunaan dengan menyimpan (atau mengguna) semasa keadaan ekonomi baik (atau buruk) menyebabkan penggunaan diterima sebagai pengukuran yang lebih baik daripada pendapatan untuk menerangkan kesejahteraan jangka panjang isi rumah (Magrabi *et al.*, 1991).

Penggunaan dikatakan lebih baik daripada pendapatan kerana penggunaan sebenar lebih berkait rapat dengan kesejahteraan. Sebaliknya, pendapatan hanya merupakan satu daripada elemen yang membolehkan penggunaan berlaku; itu pun tertakluk pada akses dan ketersediaan barangan (Coudouel *et al.*, na). Selain itu, bagi isi rumah yang terlibat dengan ekonomi pertanian, pendapatan mungkin berubah-ubah mengikut kitaran tuaian. Keadaan ini menyukarkan isi rumah untuk mengingat dengan tepat pendapatan mereka. Kesukaran menganggarkan pendapatan daripada sumber pertanian juga disebabkan oleh pendapatan juga digunakan untuk membeli input pertanian dan isi rumah juga menggunakan hasil pengeluaran mereka sendiri atau menukarnya untuk barangan lain yang sukar untuk dianggarkan nilainya. Bagi isi rumah bandar yang terlibat dalam sektor tidak formal, aliran pendapatan juga mungkin tidak menentu. Penggunaan sukar diukur, tetapi boleh lebih dipercayai jika kaedah pengumpulan data dibuat dengan baik.

Penggunaan lebih baik untuk menggambarkan taraf hidup dan kemampuan sebenar isi rumah memenuhi keperluan asas. Penggunaan bukan sahaja menggambarkan barangan dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan pendapatan semasa, tetapi juga menentukan sama ada isi rumah boleh mengakses pasaran kredit atau simpanan apabila pendapatan semasa menjadi rendah, bahkan negatif.

Pengukuran uni-dimensi bagi kesejahteraan atau kemiskinan telah lama dipertikai dan dikritik (Sen, 2006). Adakah memadai dengan satu dimensi, seperti Keluaran Dalam Negara Kasar perkapita, pendapatan atau penggunaan untuk menerangkan kesejahteraan atau kemiskinan?

Sebaliknya, adakah pengukuran yang menggabungkan pelbagai indikator pencapaian atau deprivation (multi-dimensi) itu lebih baik untuk mengukur kesejahteraan atau kemiskinan? Oleh sebab pengukuran multi-dimensi juga menggunakan pendekatan subjektif, maka wajar mungkin ditentukan oleh penyelidik secara subjektif. Hal ini juga telah dibahaskan sejak sekian lama.

Bagaimana serius pun perbincangan kontroversi uni-dimensi dan multi-dimensi, kini pengukuran kemiskinan multi-dimensi mengambil alih pengukuran kemiskinan uni-dimensi bagi banyak negara di dunia (Artha & Dartanto; 2014, Dorji, Namgay, Gyeltshen, & Alkire, 2014). Setiap pengukuran ada kelebihan dan kelemahan masing-masing, dan pengukuran uni-dimensi secara logiknya lebih mudah kerana hanya satu dimensi yang diambil kira. Pada masa yang sama, isu wajar (*weightage*) tidak timbul dengan memberikan wajar 100 peratus kepada dimensi tersebut. Sekiranya terdapat beberapa indikator sekalipun dalam dimensi tersebut yang diberikan wajar, semua indikator tersebut menyumbang kepada dimensi yang satu itu. Wajarkah pengukuran multi-dimensi menjadi pelengkap kepada pengukuran uni-dimensi dalam mengenal pasti isi rumah miskin?

PENGUKURAN KEMISKINAN UNI-DIMENSI BERBANDING MULTI-DIMENSI

Sejak sekian lama, banyak negara di dunia mengukur kemiskinan secara uni-dimensi berdasarkan aspek ekonomi. Contohnya, Keluaran Dalam Negara Kasar digunakan sebagai indikator untuk mengklasifikasikan sesebuah negara sebagai miskin atau tidak miskin pada peringkat negara dan pada peringkat isi rumah pula pendapatan atau penggunaan menjadi pilihan banyak penyelidik (Artha & Dartanto, 2014; Dorji *et al.*, 2014; Laily, 2014).

Sehinggalah pada awal tahun dua puluhan Alkire dan Santos (2010, 2013) memperkenalkan pengukuran kemiskinan multi-dimensi. Pengukuran kemiskinan multi-dimensi dibina dengan kerjasama UNDP, dan pertama kalinya diterbitkan dalam *Human Development Report 2010*. Alkire dan Foster (2011) mengenal pasti isi rumah miskin dengan melihat kepada intensiti deprivation yang dialami oleh sesebuah isi rumah. Secara matematikanya, pengukuran multi-dimensi menggabungkan dua aspek kemiskinan, iaitu $MPI = H \times A$, di mana H ialah peratus atau bilangan orang miskin dan A ialah intensiti kemiskinan yang dialami. Pengukuran multi-dimensi adalah berasaskan konsep kapabiliti yang diperkenalkan oleh Nobel Laureate, Profesor Amartya Sen, di mana beliau menyatakan bahawa penilaian sosial sepatutnya diasaskan kepada sejauh mana kebebasan yang dimiliki oleh seseorang untuk mencapai matlamat hidupnya. Istilah kapabiliti atau set kapabiliti adalah mengenai kefungsi yang boleh dicapai oleh seseorang itu. Dalam konteks kemiskinan, kegagalan kapabiliti menyebabkan seseorang itu gagal menikmati apa-apa yang boleh dicapai dan dilakukan (*beings and doings*) yang merupakan asas dalam kehidupan.

Tidak seperti kemiskinan uni-dimensi yang kerap menggunakan indikator ekonomi/kewangan, kemiskinan multi-dimensi pada masa yang sama, mengambil kira indikator bukan ekonomi/kewangan. Kemiskinan multi-dimensi mengenal pasti pelbagai ciri atau deprivation yang dialami oleh seseorang dalam pelbagai dimensi. Walaupun ada juga penyelidik yang menggunakan pendapatan dan perbelanjaan, namun tidaklah bergantung sepenuhnya pada aspek ekonomi ini.

Secara kasarnya, kemiskinan multi-dimensi melibatkan beberapa langkah termasuklah memilih unit analisis sama ada isi rumah, individu, komuniti, daerah atau negara; memilih dimensi berdasarkan konsensus awam, bukti empirikal atau ketersediaan data; memilih satu atau lebih indikator yang sesuai untuk setiap dimensi; menetapkan wajar bagi dimensi (dan indikator); menetapkan titik ambang bagi setiap indikator; mengira jumlah deprivation untuk masing-masing

individu/isi rumah; dan menetapkan titik ambang kedua, iaitu k. Jika jumlah deprivasi dimensi lebih kecil daripada k maka isi rumah tidak miskin dan begitulah sebaliknya.

DIMENSI DAN INDIKATOR KEMISKINAN MULTI-DIMENSI

Bagi membincangkan dimensi dan indikator kemiskinan multi-dimensi, dimulai dengan dimensi dan indikator yang dicadangkan oleh Alkire dan Santos (2011) kerana merekalah pencetus kepada metod pengukuran multi-dimensi ini. Seterusnya, penulis berkongsi mengenai pengukuran kemiskinan multi-dimensi beberapa buah negara iaitu Indonesia (2011), Colombia (2012), Ethiopia (2013), Bhutan (2014), Pakistan (2015), Bosnia dan Herzegovina (2017), dan Afrika Selatan (2018).

Alkire dan Santos (2011) membentangkan Indeks Kemiskinan Multi-Dimensi bagi 104 buah negara membangun yang merangkumi kira-kira 78 peratus penduduk dunia. Mereka mendakwa bahawa ini adalah kemiskinan multi-dimensi pertama yang dibuat menggunakan set data mikro (tinjauan isi rumah) untuk negara terpilih. Menggunakan pengiraan matematik, tiga dimensi dan 10 indikator dipilih untuk tujuan pengiraan. Dimensi dan indikator ini adalah sama seperti Indeks Pembangunan Manusia iaitu kesihatan (wajaran 0.33), pendidikan (wajaran 0.33) dan taraf hidup (wajaran 0.33). Manakala, indikator yang dipilih ialah mortaliti dalam kalangan kanak-kanak dan malnutrisi dalam kalangan orang dewasa dalam isi rumah (dimensi kesihatan); tamat lima tahun persekolahan dan keciciran semasa tahun 1 hingga tahun 8 persekolahan (dimensi pendidikan); elektrik; minuman air bersih; sanitasi; lantai; bahan api untuk memasak dan aset (dimensi taraf hidup).

Idea asas bagi kemiskinan multi-dimensi ialah kesejahteraan sesebuah isi rumah/ individu bukan hanya bergantung pada pendapatan atau penggunaan, tetapi juga pada beberapa dimensi atau kapabiliti lain seperti kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup. Ukuran kemiskinan multi-dimensi adalah lebih cenderung untuk memahami kemiskinan jangka panjang, iaitu indikator seperti pendidikan atau aset jelas merupakan penilaian kemiskinan yang lebih munasabah. Manakala, indikator aliran penggunaan lebih cenderung untuk melihat perubahan kategori kemiskinan isi rumah.

Artha dan Dartanto (2011) mengambil kira tiga dimensi kemiskinan multi-dimensi di Indonesia iaitu kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup. Indikator bagi dimensi pendidikan ialah (a) buta huruf dalam kalangan orang dewasa yang berumur antara 15 hingga 24 tahun dan (b) tahun persekolahan, iaitu akses kepada pendidikan rendah. Bagi dimensi kesihatan, indikator yang digunakan ialah (a) status kesihatan dan (b) insurans kesihatan. Dimensi taraf hidup diukur melalui indikator (a) lantai rumah, (b) sanitasi, (c) akses kepada air minum yang selamat, (d) elektrik, (e) bahan api untuk memasak, dan (f) pemilikan aset.

Salazar, Díaz, dan Pinzón (2012) dalam mengukur kemiskinan multi-dimensi di Colombia mengaplikasikan empat dimensi, iaitu dimensi pertama ialah keadaan pendidikan isi rumah (0.2) dengan pemboleh ubah (a) pencapaian pendidikan (0.1) dan (b) literasi (0.1); dimensi kedua ialah keadaan kanak-kanak dan belia (0.2) dengan pemboleh ubah (a) kehadiran ke sekolah (0.05), (b) tiada ketinggalan sekolah (0.05), (c) akses kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak (0.05) dan (d) kanak-kanak tidak bekerja (0.05); dimensi ketiga ialah penggajian (0.2) dengan pemboleh ubah (a) tidak seorang pun dalam jangka masa panjang menganggur (0.1) dan (b) pekerjaan formal (0.1); dan dimensi keempat ialah kesihatan (0.2) dengan pemboleh ubah (a) insurans kesihatan (0.1) dan (b) akses kepada perkhidmatan kesihatan (0.1).

Kajian kemiskinan multi-dimensi di Ethiopia dijalankan oleh Bruck dan Kebede (2013). Mereka menggunakan tiga dimensi sama seperti yang digunakan oleh Alkire dan Santos (2011). Dimensi tersebut ialah kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Unit analisis ialah isi rumah. Indikator kesihatan yang digunakan ialah mortaliti dan morbiditi. Sesebuah isi rumah itu dikatakan mengalami deprivasi sekiranya ada anak yang mati dalam masa lima tahun yang lepas, atau ada ahli isi rumah dewasa yang sakit dalam masa empat minggu sebelum survei dijalankan. Dimensi pendidikan diwakili oleh indikator tahun bersekolah dan kemasukan kanak-kanak ke sekolah. Sesebuah isi rumah itu dianggap mengalami deprivasi sekiranya tiada ahli isi rumah yang tamat sebarang persekolahan formal dan jika ada anak umur bersekolah tetapi tidak bersekolah. Dimensi taraf hidup pula diwakili oleh indikator bekalan air, rumah dan aset. Sesebuah isi rumah itu dikatakan mengalami deprivasi apabila isi rumah tiada akses kepada air minum yang bersih. Isi rumah yang menggunakan kolam, empangan, sungai atau perigi, isi rumah itu dianggap mengalami deprivasi. Dari segi perumahan, isi rumah dianggap mengalami deprivasi jika atap diperbuat daripada lumpur, kayu dan seumpamanya. Isi rumah juga dianggap mengalami deprivasi sekiranya memiliki tidak lebih daripada sebuah radio, katil/meja, dapur minyak tanah, alatan memasak, barang kemas, basikal atau tidak memiliki satu pun peralatan ladang (bajak, penyodok). Kesemua empat indikator kesihatan dan pendidikan diberikan pemberat 16.7 peratus, Manakala, tiga indikator taraf hidup masing-masing diberikan pemberat 11.1 peratus. Indikator yang dipilih adalah berdasarkan data yang ada.

Bhutan ialah negara pertama di rantau Asia Tenggara yang menghasilkan laporan mendalam mengenai pengukuran multi-dimensi (Dorji *et al.*, 2014). Bhutan menggunakan tiga dimensi yang sama seperti yang digunakan oleh Alkire Foster (2011) iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup dengan pemberat yang sama bagi semua dimensi, iaitu satu pertiga. Dari segi indikator, negara Bhutan menggunakan 13 indikator yang terdiri daripada dua indikator bagi dimensi kesihatan, iaitu mortaliti kanak-kanak dan keselamatan makanan; dua indikator bagi dimensi pendidikan, iaitu kehadiran ke sekolah dan tahun bersekolah. Manakala, bagi dimensi taraf hidup, Bhutan menggunakan sembilan indikator, iaitu bahan api untuk masak, sanitasi, elektrik, air, jalan, rumah, aset, tanah dan ternakan.

Dalam mengukur kemiskinan multi-dimensi di Pakistan, Sial, Noreen, dan Awan (2015) memilih empat dimensi, pendidikan, kesihatan, perbelanjaan dan taraf hidup, bersama-sama 10 indikator. Lapan daripada indikator tersebut berkait dengan Matlamat Pembangunan Milenium. Bagi dimensi pendidikan, isi rumah dirujuk mengalami deprivasi jika tidak ada ahli isi rumah yang tamat sekurang-kurangnya lima tahun persekolahan dan jika ada anak usia bersekolah tetapi tidak bersekolah. Bagi dimensi kesihatan, isi rumah mengalami deprivasi jika anak tidak mendapat imunisasi campak dan jika ibu dalam isi rumah tersebut tidak pernah melakukan pemeriksaan pascanatal. Dimensi perbelanjaan diwakili oleh tiga indikator iaitu kesejahteraan material, aset dan perbelanjaan. Bagi dimensi taraf hidup, lima indikator dipilih iaitu akses kepada air minum yang bersih, elektrik, gas, sanitasi, dan kepadatan setiap bilik. Sesebuah isi rumah dianggap mengalami deprivasi jika tidak memiliki akses kepada air minum atau mengambil masa lebih 30 minit untuk mengakses sumber air minum yang bersih; jika tidak memiliki tandas yang sempurna; jika tidak ada bekalan elektrik; jika tidak memiliki sambungan bekalan gas; dan jika lebih daripada tiga orang tidur dalam satu ruang yang sama.

Delalić, Somun-Kapetanović dan Resić (2017) mengukur kemiskinan multi-dimensi bagi Bosnia dan Herzegovina yang juga menggunakan metod Alkire dan Foster (2011). Tiga dimensi

yang digunakan ialah kualiti perumahan, pemilikan barangan tahan lama dan kewangan. Indikator bagi dimensi kualiti perumahan ialah tandas/bilik air di dalam rumah, air paip, elektrik, dan kumbahan. Indikator bagi pemilikan barangan tahan lama ialah dapur masak elektrik/kayu/gas, peti sejuk/peti sejuk beku, mesin basuh, peralatan mencuci (seperti pencuci vakum), kereta, telefon atau telefon mudah alih, TV, pemain DVD atau VCR, sistem HI-FIs (seperti CD, dan MP3), komputer dan akses kepada Internet.

Kajian kemiskinan multi-dimensi yang dijalankan oleh Megbowon (2018) di Afrika Selatan juga memilih tiga dimensi Alkire dan Foster iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Dimensi kesihatan diwakili oleh indikator mortaliti anak sebelum berumur lima tahun dalam tempoh 12 bulan (wajaran 1/6); dan indikator skor kepelbagaian pemakanan isi rumah (wajaran 1/6). Bagi dimensi pendidikan, indikator yang mewakili dimensi ini ialah tahun persekolahan iaitu isi rumah dewasa yang mempunyai pendidikan formal sekurang-kurangnya 5 tahun (wajaran 1/6); kehadiran ke sekolah iaitu anak berumur 7 dan 15 tahun yang tidak bersekolah (1/6). Dimensi taraf hidup diukur dengan indikator akses kepada elektrik (1/27); bahan api untuk pencahayaan (1/27); bahan api untuk pemanasan (1/27), bahan api untuk pemanasan ruang (1/27); sekiranya isi rumah menggunakan parafin, kayu, arang batu, kotoran, bahan bakar lain yang tidak bersih (1/27); akses kepada air minum yang selamat (1/27); jenis sanitasi (1/27); jenis kediaman (1/27); pemilikan aset (1/27).

FAKTOR PENENTU KEMISKINAN MULTI-DIMENSI

Dalam membincangkan faktor penentu kemiskinan, dapatan kajian kemiskinan multi-dimensi yang dijalankan oleh penyelidik yang dibincangkan dalam subtajuk indikator dan dimensi kemiskinan multi-dimensi dirujuk.

Dengan menggunakan pengukuran kemiskinan multi-dimensi, kadar kemiskinan Bhutan dianggarkan 12.7 peratus daripada populasi. Purata intensiti deprivasi ialah 40 peratus, iaitu yang menunjukkan deprivasi yang dikongsi oleh setiap orang miskin. Indeks kemiskinan multi-dimensi iaitu hasil darab peratus orang miskin dengan intensiti kemiskinan, iaitu 0.051. Dapatan ini menunjukkan bahawa orang miskin di Bhutan mengalami 1/20 daripada deprivasi yang mungkin dialami oleh semua orang bagi semua indikator. Kadar kemiskinan bandar ialah 1.3 peratus, iaitu amat jauh lebih rendah daripada kemiskinan luar bandar iaitu 17.8 peratus. Daripada 13 indikator tersebut, sumbangan terbesar kepada kemiskinan ialah deprivasi dalam tahun bersekolah (30%), diikuti dengan mortaliti kanak-kanak (14%) dan kehadiran ke sekolah (13%). Hal ini bermakna sumbangan terpenting adalah daripada deprivasi dimensi pendidikan (43%) berbanding dengan deprivasi dimensi kesihatan (32%) dan taraf hidup (25%).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan faktor penentu kepada kemiskinan multi-dimensi iaitu tahap pendidikan, status literasi dan sektor pekerjaan ketua isi rumah. Apabila dibandingkan deprivasi isi rumah yang diketuai oleh lelaki dan perempuan, dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan kepada kemiskinan multi-dimensi. Namun, tahap pendidikan dan status literasi ketua isi rumah memainkan peranan penting. Semakin tinggi tahap pencapaian pendidikan ketua isi rumah, semakin rendah kadar kemiskinan. Apabila ketua isi rumah celik huruf, kebarangkalian untuk menjadi miskin adalah tiga kali lebih rendah daripada apabila ketua isi rumah buta huruf. Sektor pekerjaan ketua isi rumah yang berbeza juga mempunyai kesan terhadap kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan adalah 23 peratus dalam kalangan mereka yang diketuai oleh ketua yang bekerja dalam sektor pertanian. Kadar kemiskinan jauh lebih rendah (sekitar masing-masing

4%) dalam kalangan isi rumah yang ketua mereka bekerja dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan. Pada masa yang sama, didapati tidak banyak berlaku variasi dalam kadar kemiskinan bagi saiz isi rumah yang berbeza.

Kajian yang dijalankan oleh Delalić, Somun-Kapetanović dan Resić (2017) mendapati wujud perbezaan nilai, arah dan dinamik kemiskinan antara pendekatan uni-dimensi dan multi-dimensi. Mereka menegaskan bahawa adalah tidak memadai untuk menggubal dasar sosial yang cekap dan strategi pengurangan kemiskinan secara eksklusif dengan hanya menggunakan indeks uni-dimensi. Bosnia dan Herzegovina, seperti di kebanyakan negara lain, penilaian dasar sosial dan strategi untuk mengurangkan kemiskinan adalah berdasarkan satu indikator kemiskinan, pendapatan atau penggunaan, iaitu indeks kemiskinan uni-dimensi.

Data 2010-2011 yang digunakan untuk mengukur kemiskinan multi-dimensi di Pakistan menunjukkan dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup masing-masing menyumbang 28 peratus kepada kemiskinan keseluruhan. Manakala, perbelanjaan menyumbang 16 peratus kepada kemiskinan keseluruhan. Penemuan ini menyimpulkan bahawa untuk membendung deprivasi multi-dimensi, sumber harus diperuntukkan selaras dengan sumbangan setiap dimensi kepada kemiskinan secara keseluruhan (Sial, et. al, 2015).

Perbandingan antara pengukuran uni-dimensi dan multi-dimensi di Indonesia (Artha, & Dartanto, 2014) mendapati perbezaan lebih daripada 60 mata peratusan antara kedua pengukuran ini. Dimensi kesihatan paling tinggi menyumbang kepada keseluruhan masalah deprivasi golongan miskin diikuti dengan dimensi pendidikan. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian di Bhutan yang mendapati dimensi pendidikan menyumbang lebih tinggi kepada kemiskinan berbanding dengan kesihatan. Pada peringkat kebangsaan, Indeks Kemiskinan Multi-dimensi menurun sebanyak 23.5 peratus, iaitu daripada 73.4 peratus menjadi 35.7 peratus. Kebarangkalian menjadi miskin kewangan dan miskin multi-dimensi akan berkurangan masing-masing sebanyak 0.02 peratus dan 0.14 peratus. Kesan pendidikan adalah lebih tinggi dalam kemiskinan multi-dimensi berbanding dengan kemiskinan uni-dimensi. Kebarangkalian menjadi miskin kewangan dan multi-dimensi masing-masing meningkat sebanyak 0.02 peratus dan 0.015 peratus apabila isi rumah mempunyai tambahan seorang kanak-kanak dalam isi rumah. Di Indonesia, isi rumah yang berkahwin lebih cenderung menjadi miskin. Kebarangkalian menjadi miskin kewangan akan berkurangan sebanyak 0.02 peratus apabila isi rumah mempunyai pengalaman terlibat dengan program kredit. Walau bagaimanapun, akses kepada program kredit tidak memberi kesan kepada kemiskinan multi-dimensi.

Pengukuran kemiskinan menggunakan pengukuran multi-dimensi dan uni-dimensi iaitu penggunaan, menunjukkan bahawa kedua-dua pengukuran memberikan status kemiskinan yang sama kepada 48 hingga 57 peratus isi rumah semasa tempoh kajian dijalankan di Ethiopia (Seff & Jolliffe, 2016). Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa dalam anggaran 20 peratus sampel yang tidak miskin mengikut pengukuran uni-dimensi (penggunaan), adalah didapati miskin multi-dimensi. Hal ini menunjukkan bahawa jurang antara kedua-dua pengukuran kemiskinan tidak boleh diabaikan. Mereka juga mendapati bahawa trend kemiskinan adalah berbeza (antara tahun 2004 dan 2009) apabila menggunakan kedua-dua pengukuran kemiskinan ini, yang sebahagiannya dapat dijelaskan oleh sebab harga yang tinggi antara tahun 2004 dan 2009 apabila mengukur kemiskinan menggunakan penggunaan. Bentuk kemiskinan sementara di luar bandar Ethiopia adalah sama bagi kedua-dua pengukuran uni-dimensi (penggunaan) dan pengukuran multi-dimensi yang antara indikator penentu kemiskinan multi-dimensi ialah aset, pendaftaran anak ke sekolah

dan tahun bersekolah. Kualiti perumahan dan akses kepada air minum yang selamat secara konsisten menunjukkan deprivasi. Dapatan ini menunjukkan bahawa campur tangan pihak berkepentingan perlu untuk meningkatkan indikator kebajikan ini untuk membantu isi rumah keluar dari kemiskinan kronik.

Untuk menghubungkan dinamik kemiskinan kepada perubahan dasar negara, mereka menilai pencetus dinamik kemiskinan menggunakan kedua-dua pengukuran. Dapatan menunjukkan isi rumah bersaiz kecil dengan ahli yang berpendidikan mempunyai kecenderungan yang lebih rendah untuk menjadi miskin dari segi penggunaan. Hal ini menunjukkan bahawa perancangan keluarga dan tindakan ke arah mempromosikan pendidikan adalah penting dalam usaha mengurangkan kemiskinan. Penemuan ini menunjukkan saiz isi rumah lebih penting untuk kemiskinan penggunaan berbanding dengan kemiskinan multi-dimensi. Di samping itu, mewujudkan akses kepada kredit formal dan tidak formal adalah penting untuk mengurangkan kemiskinan uni-dimensi (penggunaan) dan multi-dimensi.

Fenomena kemarau dikenal pasti pengaruhnya ke atas kemiskinan, iaitu kejutan kemarau didapati mempengaruhi kemiskinan uni-dimensi (penggunaan), manakala tiada kesan seperti itu untuk kemiskinan multi-dimensi. Dapatan ini menunjukkan bahawa kejutan jangka pendek sedemikian lebih ketara dalam mengukur kemiskinan sementara. Walau bagaimanapun, kesan kejutan serentak didapati lebih ketara pada kemiskinan multi-dimensi yang mencerminkan kemiskinan jangka panjang (struktur). Khususnya, indikator berterusan seperti kualiti perumahan dan akses kepada air minum yang selamat didapati lebih terjejas jika berlaku kejutan serentak.

Polisi perlu digubal bagi membantu isi rumah menghadapi pelbagai kejutan kerana ini membabitkan kemiskinan struktural (kebajikan jangka panjang). Polisi yang mempromosikan jaringan keselamatan terhadap jenis kejutan tertentu lebih berkesan dalam menangani indikator kebajikan sementara seperti kemiskinan penggunaan. Oleh itu, perlu memahami sifat kemiskinan dan deprivasi menggunakan kedua-dua penggunaan dan pengukuran multi-dimensi. Dengan kata lain, penting untuk mengambil kira penunjuk kebajikan jangka panjang, seperti pengukuran multi-dimensi, dan dilengkapi dengan langkah-langkah kemiskinan konvensional dalam menggubal dasar membasmi kemiskinan yang berkesan.

Di Afrika Selatan (Megbowon, 2018) dapatan kajian menunjukkan dimensi taraf hidup paling tinggi menyumbang kepada kemiskinan bandar dan luar bandar. Dari segi insiden kemiskinan, kadar kemiskinan lebih tinggi di luar bandar kerana isi rumah luar bandar mempunyai akses yang lebih rendah kepada kemudahan infrastruktur. Selain itu, dimensi pendidikan dan kesihatan didapati menyumbang lebih tinggi kepada kemiskinan dalam kalangan isi rumah bandar. Statistik deskriptif menunjukkan bahawa walaupun kemiskinan multi-dimensi adalah rendah di kedua-dua lokasi geografi wilayah, namun intensiti kemiskinan adalah tinggi.

KESIMPULAN

Isu tentang kemiskinan yang terus-terusan wujud memerlukan penelitian semula tentang konsep dan pengukurannya. Kegagalan mengaplikasi konsep dan pengukuran yang tepat dan sesuai dengan tahap pembangunan sesebuah negara, mendorong kepada kegagalan usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap hidup rakyat.

Kemiskinan multi-dimensi yang diperkenalkan oleh Alkire dan Foster (2011) dirujuk oleh banyak negara di dunia. Kemiskinan multi-dimensi melengkapi kemiskinan uni-dimensi dengan mengambil kira deprivasi akut yang dialami oleh isi rumah.

Terdapat perbezaan penemuan dapatan kajian antara pengukuran kemiskinan uni-dimensi dengan multi-dimensi. Keadaan ini mencadangkan keperluan kajian yang lebih mendalam untuk mengenal pasti dan menetapkan secara saintifik dimensi dan indikator yang paling tepat ke arah memahami dinamik kemiskinan. Pemilihan dimensi dan indikator perlulah berdasarkan penelitian dan penyelidikan yang terperinci, tidak semata-mata bergantung pada data yang tersedia ada. Kesilapan dalam menentukan dimensi, indikator dan wajaran menyebabkan pengelasan isi rumah berdasarkan kemiskinan tidak tepat. Lantaran itu polisi yang digubal, program yang dirancang dan dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan tidak berjaya. Akibatnya ialah pembaziran sumber kewangan, masa dan tenaga kepada negara.

Tidak dinafikan bahawa tiga dimensi penting iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup diakui mantap untuk mengukur kemiskinan, namun indikator berkaitan dimensi tersebut mungkin perlu diteliti dari semasa ke semasa kerana indikator yang sesuai amat bergantung pada tahap pembangunan, budaya, nilai masyarakat dalam sesebuah negara itu. Untuk menangani kemiskinan, fokus perlu diberikan pada dimensi yang paling tinggi menyumbang kepada kemiskinan, iaitu deprivasi yang menyumbang kepada kemiskinan kronik berbanding dengan kemiskinan sementara.

RUJUKAN

- Abdul Rasool, M.S., Mohd Harun, M.F., Mohd Salleh, A., & Idris, N. (2011). Poverty measurement in Malaysia: A survey of the literature. *Akademika*, 81(1), 73-81.
- Alkire, S., & Foster, J. (2011). *Understandings and misunderstandings of multidimensional poverty measurement*. Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI) working paper no. 43.
- Alkire, S., & Foster, J. (2011). Counting and multidimensional poverty measurement. *Journal of Public Economics*, 95(7-8), 476-487.
- Alkire, S. & Santos, M.E. (2011). Acute multidimensional poverty: a new index for developing countries. *Proceedings of the German Development Economics Conference, Berlin, No. 3*.
- Artha, D.R.P., & Dartanto, T. (2014). *Multidimensional approach to poverty measurement in Indonesia*. LPEM-FEUI Working Paper 002.
- Boltvinik, J. (n.a). Poverty measurement methods: An Overview. Retrieved from <http://www.semantic scholar.org/paper/Poverty-Measurement-Methods-%E2%80%94-An-Overview-Boltvinik/224b48890e720476612103ac806acec995282896>.
- Brück, T. & Kebede, S.W. (2013). Dynamics and drivers of consumption and multidimensional poverty: Evidence from rural Ethiopia. *IZA DP No. 7364*.
- Coudouel, A., Hentschel, J.S., & Wodon, Q.T. (na). Chapter 1 Poverty measurement and analysis. World Bank. Retrieved from https://siteresources.worldbank.org/INTPRS1/Resources/3836061205334112622/5467_chap1.pdf
- Delalić, A., Somun-Kapetanović, R., & Resić, A. (2017). New multidimensional approaches to poverty measurement in Bosnia and Herzegovina. *Croatian Review of Economic, Business and Social Statistics*, 3(1), 1-15.
- Dorji, C., Namgay, T., Gyeltshen, S., & Alkire, S. (2014). *Bhutan multidimensional poverty index 2012*. Bhutan: National Statistics Bureau.
- Fox, L. (2016). The supplemental poverty measure. *Current Population Reports*, pp.60-261 http://kambing.ui.ac.id/onnopurbo/library/library-ref-ind/ref-ind-1/application/povertyreduction/Poverty/Poverty_Measurement_Methods.pdf

- Laily, P. (1995). A consumption model for measuring poverty: An exploratory exercise. *Social Indicators Research*, 35(2), 129-153.
- Laily P. (2014). *Konsep kerentanan kepada kemiskinan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laily, P. (2017). *Kemiskinan dan kerentanan: Penelitian konsep dan pengukuran dalam era revolusi industri 4.0*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Megbowon, E.T. (2018). Multidimensional poverty analysis of urban and rural households in South Africa. *Studia Universitatis Babeş-Bolyai Oeconomica*, 63(1), 3-19 doi: 10.2478/subboec-2018-0001
- Ouellette, T., Burstein, N., Long, D., & Beecroft, E. (2004). *Measures of material hardship*. U.S. Department of Health and Human Services.
- Salazar, R.C.A., Díaz, B.Y., & Pinzón, R.P. (2012). *Multidimensional poverty in Colombia 1997–2010*. Institute for Social and Economic Research (ISER) Working Paper Series, December 22.
- Seff, I., & Jolliffe, D. (2016). Multidimensional poverty dynamics in Ethiopia: How do they differ from consumption-based poverty dynamics? *Ethiopian Journal of Economics*, 25(2), 1-35.
- Sen, A. (2006). Conceptualizing and measuring poverty. In: Grusky D, Kanbur R. *Poverty and Inequality*. Stanford: Stanford University Press.
- Sen, A. (1975). *Employment, technology and development: A study prepared for the International Labour Office within the framework of the World Employment Programme*. Oxford: Clarendon Press.
- Sial, M.H., Noreen, A., & Awan, R.U. (2015). Measuring multidimensional poverty and inequality in Pakistan. *The Pakistan Development Review* 54(4), pp. 685–698
- The U.S. Census Bureau. (2016). *Income and poverty report*.